

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 DISEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4

Bajet mini dilulus selepas dibahas enam senator

Bajet mini dilulus selepas dibahas enam senator

Kuala Lumpur: Dewan Negara, semalam meluluskan Rang Undang-Undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022, membabitkan perbelanjaan perkhidmatan RM107.72 bilion.

Rang undang-undang yang diusulkan oleh Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan, itu diluluskan dengan suara majoriti ahli Dewan Negara selepas dibahaskan oleh enam senator.

Terdahulu, ketika menggugung perbahasan rang undang-undang itu, Ahmad berkata, Kerajaan Perpaduan akan sentiasa berusaha memastikan kos sara hidup rakyat, terkawal.

Bagi tujuan itu, beliau berkata, buat kali pertama dalam sejarah negara, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup diwujudkan.

“Sebelum ini, tak pernah ada menteri kos sara hidup dan kali ini kita gabungkan. Tentunya adalah bertujuan untuk memastikan kos sara hidup rakyat pada peringkat yang terkawal,” katanya.

Ahmad berkata, bajet semestara itu yang diluluskan di Dewan Rakyat, kelmarin diper-

tukkan untuk enam bulan pertama 2023, sementara menunggu bajet sebenar dengan mengambil kira kepentingan penjawat awam serta bantuan tunai kepada rakyat.

Ini termasuk bantuan tunai RM150 kepada pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah, membabitkan peruntukan sehingga RM450 juta.

Ketika sesi perbahasan, Senator Datuk Dr Ahmad Azam Hamzah mencadangkan kerajaan mengadakan perancangan tertentu dengan kadar segera bagi mengurangkan kos sara hidup yang dialami rakyat ketika ini.

Kos sara hidup meruncing

“Beban kos sara hidup rakyat adalah sangat meruncing dan sangat tinggi ketika ini. Sepinggan nasi campur sekarang ini sudah mencecah belasan ringgit, ia tidak masuk akal, tapi itulah realitinya,” kata dia.

Selain itu, menyentuh mengenai keterjaminan bekalan makanan negara, Ahmad Azam turut mencadangkan supaya kerajaan tidak memanjangkan tempoh kebenaran import telur bagi mengawal harga sumber protein itu pada masa akan datang.